

STPM Kertas 1 2016:

Soalan 5 Jawapan yang dicadangkan

(a) Dua contoh jenis kesilapan yang tidak menjejaskan imbalan duga:

1. Kesilapan ketinggalan catatan satu urus niaga
2. Kesilapan songsang
3. Kesilapan catatan amaun asal
4. Kesilapan komisen
5. Kesilapan prinsip
6. Kesilapan saling mengimbangi (hanya wujud dalam sistem perakaunan manual)

(b) (i) Maksud kawalan dalaman:

Kawalan dalaman merujuk kepada peraturan, polisi, kaedah dan tatacara yang dilaksanakan dalam sesuatu organisasi bagi memastikan semua sistem organisasi beroperasi seperti yang ditetapkan supaya objektif organisasi tercapai.

(ii) Dua kepentingan kawalan dalaman:

1. Melindungi aset-aset organisasi daripada kecurian, penyalahgunaan dan penggunaan yang tidak cekap.
2. Memastikan rekod-rekod perakaunan yang disediakan adalah tepat dan boleh dipercayai dan penyata kewangan organisasi memberikan satu gambaran yang benar dan saksama.
3. Mematuhi keperluan undang-undang supaya tidak menghadapi dakwaan mahkamah atau kos denda.
4. Menggalakkan pekerja-pekerja mengamalkan polisi-polisi organisasi untuk berusaha mencapai objektif organisasi secara bersama.
5. Menggalakkan kecekapan operasi supaya sumber-sumber organisasi tidak dibazirkan.

(c) (i) Kenal pasti catatan jurnal salah dan membuat pembetulan:

1. Jun 1: Betul
2. Jun 2: Salah

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
Jun 2	Sewa prabayar Belanja sewa (Merekod pembetulan kesilapan prinsip)	15,000	15,000

3. Jun 3: Betul
4. Jun 5: Salah

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
Jun 5	Akaun belum bayar Akaun belum bayar bukan dagangan (Merekod pembetulan kesilapan komisen)	24,000	24,000

5. Jun 8: Betul

6. Jun 19: Betul

7. Jun 25: Salah

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
Jun 25	Hasil Perkhidmatan Akaun belum terima (Merekod pembetulan kesilapan prinsip)	10,000	10,000

8. Jun 26: Salah

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
Jun 26	Akaun belum bayar bukan dagangan Akaun belum terima (Merekod pembetulan kesilapan prinsip)	12,000	12,000

9. Jun 29: Salah

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
Jun 29	Ambilan Belanja gaji (Merekod pembetulan kesilapan prinsip)	5,200	5,200

10. Jun 30: Salah:

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
Jun 30	Hasil perkhidmatan Hasil belum terperoleh (Merekod pembetulan kesilapan prinsip)	5,000	5,000

11. Jun 30: Betul

12. Jun 30: Betul

(ii) Tatacara yang baik atau lemah dan prinsip kawalan dalaman:

Tatacara	Baik atau lemah	Prinsip kawalan dalaman
(1)	Baik kerana mempunyai ciri-ciri pendokumentasian yang betul.	Pendokumentasian
(2)	Baik kerana cek hanya boleh ditandatangani oleh pemilik dan akses kepada cek hanya dengan pemilik	Penetapan tanggung jawab / Kelulusan / Kawalan fizikal
(3)	Lemah kerana tiada verifikasi oleh pemilik atau pekerja lain mengenai pembelian atau pembayaran yang dibuat oleh kerani akaun.	Verifikasi dalaman
(4)	Lemah kerana pekerja yang sama diberikan tugas menghantar, mengambil dan menerima bayaran. Tugas-tugas ini perlu diasingkan dan diberikan kepada beberapa orang individu.	Pengasingan tugas